

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI I : 2024 / 2025**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 10163
ASAS PENGURUSAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
 2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
 3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
 5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.
-

Kertas soalan ini mengandungi **SEMBILAN (9)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A

[40 markah]

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Antara yang berikut, manakah fungsi pengurusan? CLO1
T1
 - A Penawaran
 - B Permintaan
 - C Pengagihan
 - D Perancangan

2. Terdapat **TIGA (3)** tahap di dalam pengurusan iaitu _____. CLO1
T1
 - A rendah, sederhana dan tinggi
 - B bawahan, pertengahan dan atasan
 - C tertinggi, professional dan sokongan
 - D professional, sokongan dan perkhidmatan

3. Apakah maksud pengurusan? CLO1
T1
 - A Proses dan tindakan yang berkaitan dengan pentadbiran dan arahan organisasi.
 - B Proses untuk menganalisis dan mendiagnosis keadaan untuk menentukan sebab dan kesan.
 - C Proses menentukan apa yang perlu dilakukan, bagaimana ia akan dilakukan dan siapa yang akan melakukannya.
 - D Proses melibatkan beberapa aktiviti / fungsi kerja iaitu merancang, menyusun, memimpin serta pengawal sumber organisasi dan para pekerja untuk mencapai matlamat organisasi.

4. Jawatan Ketua Pengarah berada di peringkat pengurusan _____. CLO1
T1
 - A atasan
 - B strategik
 - C bawahan
 - D pertengahan

5. Kemahiran pengurusan yang melibatkan penguasaan kaedah, teknik dan CLO1 peralatan merujuk kepada kemahiran pengurusan _____. T1

A operasi
B teknikal
C konseptual
D kemanusiaan

6. Pengurusan ini menekankan penggunaan matematik, statistik dan CLO1 permodelan maklumat dan simulasi untuk membantu membuat keputusan T1 bagi meningkatkan keberkesanan organisasi.

Apakah pendekatan pengurusan yang **TEPAT** dengan pernyataan di atas?

A Pengurusan Klasik
B Pengurusan Gelagat
C Pengurusan Kuantitatif
D Pengurusan Kontemporari

7. Perancangan untuk tempoh di bawah satu tahun yang dilaksanakan oleh CLO1 pengurus peringkat bawahan dinamakan perancangan _____. T2

A operasi
B taktikal
C strategik
D komprehensif

8. Pilih definisi perancangan yang **BETUL**. CLO1

A Merujuk kepada langkah-langkah yang dilaksanakan oleh organisasi T2 untuk mencapai objektif organisasi.
B Merujuk kepada pengagihan sumber tenaga, kewangan dan bekalan untuk mencapai objektif organisasi.
C Merujuk kepada strategi promosi yang dilakukan oleh organisasi untuk penjualan produk atau perkhidmatan.
D Merujuk kepada proses menentukan matlamat yang hendak dicapai oleh organisasi dan mengambil tindakan yang sesuai.

9. Puan Afifah bertanggungjawab membuat perancangan berkaitan dasar dan CLO1 pengoperasian keseluruhan organisasi bagi perniagaan Cahaya Gemilang T2 Trading. Puan Afifah sebenarnya telah melaksanakan jenis perancangan _____ .

A strategik
B taktikal
C operasi
D komprehensif

10. Cik Maria merupakan seorang penyelia yang bertugas di bahagian dapur di CLO1 sebuah restoran. Manakah di antara berikut merupakan tugas Cik Maria T2 sebagai perancang operasi?

A Merancang keuntungan restoran bagi tempoh 5 tahun.
B Menganalisa sasaran jualan bagi tempoh 3 tahun akan datang.
C Merancang tema hiasan bagi bulan ramadhan dan ketibaan Aidilfitri.
D Menentukan keperluan bahan mentah masakan yang diperlukan sepanjang promosi buffet bulan kemerdekaan.

11. Terdapat _____ langkah dalam pengorganisasian. CLO1

A lima
B enam
C tujuh
D lapan

T3

12. Mengagihkan beban kerja kepada setiap individu dalam organisasi mengikut CLO1 kebolehan serta kemahiran masing-masing secara adil dan seimbang. T3

Penyataan di atas merujuk kepada langkah-langkah dalam pengorganisasian bagi proses _____ .

A melaksanakan kerja
B menyelaraskan kerja
C menyenaraikan kerja
D membahagikan kerja

13. Apakah yang dimaksudkan dengan kepimpinan? CLO1
T4
- A Proses mengarah dan menginspirasi pekerja ke arah pencapaian matlamat yang sama.
 - B Proses menyelesaikan sesuatu dengan memberi penekanan kepada tugas yang menyeluruh.
 - C Proses menyusun aktiviti kerja dan menentukan sumber manusia yang melaksanakannya.
 - D Proses menentukan objektif kerja bagi setiap pekerja dan prosedur melaksanakan kerja tersebut.
14. Mengikut gaya kepimpinan Teori Laluan Matlamat (*Path Goal Theori*), CLO1 pemimpin menyesuaikan gaya kepimpinan mengikut ciri-ciri pekerja dan persekitaran. Manakah antara berikut merupakan gaya kepimpinan Teori Laluan Matlamat? T4
- A Mengarah, memimpin, pencapaian dan kekuasaan.
 - B Membantu, memimpin, mengarah dan pencapaian.
 - C Mengarah, menyokong, bekerjasama dan pencapaian.
 - D Pencapaian, kekuasaan, perhubungan dan bekerjasama.
15. Gaya kepimpinan yang baik bergantung kepada situasi yang dihadapi, jenis kepimpinan dan strategi yang paling sesuai dengan tugas. Teori kepimpinan ini merujuk kepada Teori _____ oleh Hersey & Blanchard. CLO1
T4
- A Laluan Matlamat
 - B Grid Pengurusan
 - C Kepimpinan Situasi
 - D Kepimpinan Universiti Michigan
16. Mengikut Teori Grid Pengurusan, pengurus yang mempunyai elemen kemanusiaan yang tinggi akan memimpin mengikut gaya kepimpinan _____ dan _____. CLO1
T4
- A selesa, daif
 - B tugas, selesa
 - C pasukan, tugas
 - D selesa, pasukan

17. Manakah antara berikut yang paling **BETUL** menerangkan definisi kawalan? CLO1
T5
- A** Penentuan prestasi perbelanjaan kewangan organisasi berbanding belanjawan yang telah dibuat.
- B** Sistem mendapatkan maklumbalas bagi menentukan ganjaran atau hukuman yang perlu diberikan kepada pekerja.
- C** Penentuan piawai bagi pelaksanaan tugas-tugas agar pekerja dapat melaksanakan tugas dengan baik dan berkesan.
- D** Sistem mendapatkan maklumbalas dan perbandingan antara prestasi sebenar dan piawaian ditetapkan bagi mencapai matlamat yang telah dirancang.
18. Apakah kepentingan kawalan dalam organisasi? CLO1
T5
- A** Mengoptimumkan pengeluaran.
- B** Mengurangkan pergerakan pekerja.
- C** Mendorong kepada penyelewengan.
- D** Menyekat kepada kreativiti pekerja dalam organisasi.
19. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** langkah dalam proses pengurusan strategik? CLO1
T6
- A** Melaksana strategi.
- B** Merancang strategi.
- C** Mempromosi strategi.
- D** Menilai pencapaian strategi.
20.

• Menilai tahap strategi dari aspek perlaksanaan • Mengenalpasti pengubahsuaian dan penambahbaikan jika perlu

CLO1
T6

Penyataan di atas menerangkan proses pengurusan strategik bagi langkah

- A** melaksana strategi.
- B** merancang strategi.
- C** mempromosi strategi.
- D** menilai pencapaian strategi.

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Berikan **TIGA (3)** tahap pengurusan. CLO1
[3 markah] T1
- b) Senaraikan **TIGA (3)** kepentingan pengurusan. CLO1
[3 markah] T1
- c) Huraikan **TIGA (3)** fungsi pengurusan. CLO1
[6 markah] T1
- d) Pendekatan klasikal dalam evolusi pengurusan menekankan pencarian kaedah CLO1 untuk menguruskan kerja dan organisasi dengan cekap. Pendekatan ini T1 terbahagi kepada dua iaitu Pengurusan Birokratik dan Pengurusan Pentadbiran.

Terangkan **EMPAT (4)** ciri Pengurusan Birokratik yang diperkenalkan oleh Max Weber.

[8 markah]

Soalan 2

- a) Terangkan **DUA (2)** perbezaan di antara perancangan taktikal dan perancangan operasi. CLO1
T2

[4 markah]

- b) Terangkan **TIGA (3)** tujuan perancangan. CLO1

[6 markah] T2

- c) Huraikan **TIGA (3)** langkah dalam proses pengorganisasian.

CLO1
[6 markah] T3

- d) Senaraikan **EMPAT (4)** kepentingan kawalan dalam organisasi.

CLO1
[4 markah] T5

Soalan 3

- a) Terangkan **DUA (2)** gaya kepimpinan berdasarkan Teori Grid Pengurusan yang diperkenalkan oleh Robert Blake dan Jane Mouton. CLO1
T4

[4 markah]

- b) Terangkan **DUA (2)** gaya kepimpinan bagi Teori Pembelajaran Kepimpinan Michigan. CLO1
T4

[6 markah]

- c) Senaraikan **EMPAT (4)** proses kawalan dalam organisasi. CLO1
T5

[4 markah]

- d) Setiap organisasi perlu mengetahui prinsip-prinsip dalam kawalan. Terangkan **TIGA (3)** prinsip yang menentukan keberkesanan sesuatu kawalan. CLO1
T5

[6 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab